

CNS0510

R GB 13-08 00175 BA749

aab

PM - Israel

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL MASIH DIKAJI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Malaysia masih mengkaji kemungkinan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Israel meskipun beberapa negara, termasuk negara-negara Arab, sudah berbuat demikian, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap kepada pemberita di Tasik Perdana selepas menyaksikan perlumbaan Rali Malaysia hari ini, beliau berkata: "Kita tidak begitu berpuas hati dengan layanan Israel terhadap kerajaan Palestin dan pemimpinnya Yasser Arafat."

Beliau berkata Malaysia berpendapat Arafat sepatutnya layak diberi layanan sama seperti Ketua Negara yang lain tetapi apa yang berlaku ialah Israel masih ingin menguasai kawasan yang sudah diberikan kepada Arafat.

"Malaysia harap Israel akan mengubah sikapnya berhubung dengan nasib masa depan rakyat dan kedaulatan negara Palestin," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan berkata Malaysia akan mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap pendirian kerajaan Israel berhubung proses perdamaian di Asia Barat sebelum membuat sebarang keputusan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel. -- Laqi.

♥13/08/14-13MST

R GB 13-08 00182 BA750

aab

PM - Israel 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kalau Israel menunjukkan sikap yang jujur dan ikhlas untuk berbaik-baik dengan pihak yang bersengketa dengan mereka, Malaysia akan menimbang untuk mewujudkan hubungan diplomatik dengan Israel," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat olok-olok Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Kompleks Budaya Negara di sini.

Mengenai Bosnia-Herzegovina, beliau menyambut baik kenyataan kerajaan Amerika semalam bahawa ia mungkin meminta PBB menghapuskan sekatan senjata terhadap Bosnia sekiranya pengganas Serb Bosnia tidak menerima rancangan damai akhir Oktober ini.

"Walaupun sudah agak lewat, kita berharap kali ini apabila tiba masa dan ketikanya, pihak Barat akan bertindak untuk menunjukkan kepada pengganas Serb mengenai pendirian masyarakat antarabangsa," katanya.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan majlis itu, beliau berkata, struktur PBB perlu dikaji semula terutamanya perkara yang menyentuh proses membuat keputusan bagi mencerminkan keadaan dunia semasa.

Majlis itu dianjurkan Kelab Rotary Petaling Jaya dan Persatuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia.

Yang turut hadir ialah wakil tetap Malaysia ke PBB Tan Sri Razali Ismail. -- Bernama

ZAB MAM NMO

♥13/08/14-15MST